

**PENGARUH MINAT DALAM AMALAN MOTIVASI TERHADAP
PEMBELAJARAN PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

TAN AI LING

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN PSIKOLOGI PENDIDIKAN**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya


22.05.2007

TAN AI LING
M20021000922



PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada keluarga saya atas sokongan mereka dan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr Kamarulzaman Kamaruddin atas bimbingan, nasihat dan dorongan yang diberikan sepanjang penyelidikan ini.



ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap minat pelajar dalam pembelajaran berdasarkan jantina, tahap pencapaian akademik dan aliran akademik mereka; dan menentukan sama ada wujudnya korelasi antara minat pelajar dalam pembelajaran dengan pendekatan motivasi yang diamalkan oleh guru. Kajian ini menggunakan pendekatan *ex post facto* untuk mengkaji pembolehubah tak bersandar, pendekatan motivasi, dan kemungkinan kesannya terhadap pembolehubah bersandar, minat pelajar dalam pembelajaran. Instrumen kajian ini menggunakan soal-selidik untuk mengumpul data daripada 150 pelajar Tingkatan 4 melalui kaedah pensampelan berstrata secara rawak daripada 2 buah sekolah menengah di daerah Matang, Taiping, Perak. Soal-selidik ini mengandungi 3 bahagian yang terdiri daripada ciri-ciri sosio-demografik, maklumbalas responden terhadap minat pembelajaran dan amalan pendekatan motivasi oleh guru mereka. Ujian-uji statistik yang digunakan merangkumi ujian-t dan Ujian ANOVA sehalu untuk menentukan kesignifikanan perbezaan min kumpulan-kumpulan yang terlibat. Analisa korelasi Pearson dan analisa regresi pelbagai digunakan untuk mengukur tahap perhubungan antara kedua-dua pembolehubah. Hasil kajian ini mendapati bahawa wujudnya korelasi antara minat pelajar dalam pembelajaran dengan pendekatan motivasi ekstrinsik dan motivasi intrinsik. Korelasi yang paling kuat adalah motivasi intrinsik. Keputusan-keputusan mencadangkan bahawa motivasi dan minat pembelajaran adalah komponen-komponen penting dalam proses pembelajaran. Tanpa motivasi dan minat belajar, pelajar-pelajar tidak akan menerima apa-apa faedah daripada proses pembelajaran.

ABSTRACT

THE EFFECTS OF MOTIVATIONAL INTEREST TOWARDS LEARNING AMONG FORM FOUR STUDENTS

This purpose of this study was to determine students' degree of interest in learning based on gender, academic ability levels and subject streams; and determine whether a correlation exist between learning interest and the motivational approaches. The study made use of the ex post facto approach to study the main independent variable, motivational approaches, in retrospect for their possible effects to the dependent variable, interest in learning. The research instrument utilised a questionnaire to collect data from 150 Form Four students through stratified random sampling from two schools in Matang District, Taiping, Perak. The three-part questionnaire consisted of items on respondents' socio-demographic characteristics, their responses to interest in learning and their perception of the use of motivational approaches by their teachers. Statistical tests carried out were the t-Test and One-Way ANOVA for determining significance of different mean values between groups. Correlation tests between variables were conducted through Pearson's Bivariate Correlation and Multiple Linear Regression Analysis. The study found a correlation between learning interest, extrinsic motivation and intrinsic motivation, with the strongest correlate being intrinsic motivation. The results suggested that motivational and affective variables are vital components of the learning process without which students will not be able to benefit completely from the learning process in the class environment.

KANDUNGAN**Muka surat**

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Rangka Konseptual	6
1.5	Hipotesis	7
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Definisi Istilah	10
1.8	Batasan Kajian	14
1.9	Kesimpulan	16

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Pendekatan Motivasi dan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran	18
2.3	Konsep Minat Pelajar Dalam Pembelajaran	20

2.4	Ciri-ciri Minat Pelajar Dalam Pembelajaran	22
2.4.1	Tumpuan Dalam Proses Pembelajaran	22
2.4.2	Ketekalan Dalam Tugas Pembelajaran	23
2.4.3	Tahap Penglibatan Dalam Aktiviti Pembelajaran	24
2.4.4	Pencapaian Akademik	25
2.5	Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Dengan Pembolehubah Sosial-Demografik	26
2.5.1	Jantina	27
2.5.2	Tahap Pencapaian Akademik	29
2.5.3	Aliran Akademik	29
2.6	Pendekatan Motivasi Ekstrinsik	30
2.7	Pendekatan Motivasi Intrinsik	33
2.8	Perkaitan Antara Pendekatan Motivasi Dengan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran	35
2.8.1	Motivasi Ekstrinsik Dan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran	37
2.8.2	Motivasi Intrinsik Dan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran	38
2.9	Peranan Guru Dalam Pengamalan Pendekatan Motivasi	39
2.10	Kesimpulan	43

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	45
3.2	Reka Bentuk Kajian	45
3.3	Sampel Dan Populasi	47
3.4	Instrumen Kajian	50
3.5	Pengumpulan Data	52

3.6	Analisis Data	53
3.6.1	Analisis Deskriptif	53
3.6.2	Analisis Ujian-t	53
3.6.3	Analisis Ujian ANOVA	54
3.6.4	Analisis Korelasi	55
3.6.5	Analisis Regresi Pelbagai	55

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	56
4.2	Latar Belakang Sampel Kajian	57
4.3	Analisa Kekekapan dan Peratusan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran	59
4.3.1	Analisa Kekekapan dan Peratusan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Berdasarkan Aspek Tumpuan	60
4.3.2	Analisa Kekekapan dan Peratusan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Berdasarkan Aspek Ketekalan	63
4.3.3	Analisa Kekekapan dan Peratusan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Berdasarkan Aspek Penglibatan	65
4.3.4	Analisa Kekekapan dan Peratusan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Berdasarkan Aspek Pencapaian	67
4.4	Analisa Kekekapan dan Peratusan Berkenaan Pendekatan Motivasi Dalam Bilik Darjah	70
4.4.1	Analisa Kekekapan dan Peratusan Berkenaan Pendekatan Motivasi Dalam Bilik Darjah Iaitu Pendekatan Motivasi Ekstrinsik	70

4.4.2	Analisa Kekekapan dan Peratusan Berkenaan Pendekatan Motivasi Dalam Bilik Darjah Iaitu Pendekatan Motivasi Intrinsik	73
4.5	Perbezaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Berdasarkan Sosial-Demografik Responden	75
4.5.1	Perbezaan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Tumpuan Berdasarkan Jantina	76
4.5.2	Perbezaan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Ketekalan Berdasarkan Jantina	77
4.5.3	Perbezaan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Tahap Penglibatan Berdasarkan Jantina	79
4.5.4	Perbezaan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Pencapaian Berdasarkan Jantina	80
4.5.5	Perbezaan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Berdasarkan Jantina	81
4.5.6	Perbezaan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Tumpuan Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	82
4.5.7	Perbezaan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Ketekalan Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	84
4.5.8	Perbezaan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Tahap Penglibatan Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	86
4.5.9	Perbezaan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Pencapaian Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	88
4.5.10	Perbezaan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	89

4.5.11	Perbezaan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Tumpuan Berdasarkan Aliran Akademik	91
4.5.12	Perbezaan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Ketekalan Aliran Akademik	93
4.5.13	Perbezaan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Tahap Penglibatan Berdasarkan Aliran Akademik	94
4.5.14	Perbezaan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Pencapaian Berdasarkan Aliran Akademik	96
4.5.15	Perbezaan Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Berdasarkan Aliran Akademik	98
4.6	Hubungan Antara Pendekatan Motivasi Dalam Bilik Darjah Dengan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran	99
4.6.1	Matrik Kolerasi Antara Pendekatan Motivasi Ekstrinsik Dengan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran	100
4.6.2	Matrik Kolerasi Antara Pendekatan Motivasi Intrinsik Dengan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran	102
4.7	Kesimpulan	104

BAB 5 RUMUSAN

5.1	Pengenalan	106
5.2	Ringkasan Daripada Pengenalan, Tinjauan Literatur Dan Metodologi	106
5.3	Rumusan Daripada Dapatan Kajian	109
5.3.1	Tahap Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Berdasarkan Ciri-ciri Sosial-Demografik	109
5.3.2	Hubungan Antara Pendekatan Motivasi Dalam Bilik Darjah Dengan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran	110

5.4	Perbincangan	111
5.5	Kesimpulan	116
5.6	Cadangan-cadangan	117
5.6.1	Kepada Penggubal Dasar	117
5.6.2	Kepada Para pengetua	118
5.6.3	Kepada Para Guru	119
5.6.4	Kepada Para Penyelidik Akan Datang	119

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

RUJUKAN



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
3.1	Populasi Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Matang, Taiping, Perak	49
3.2	Statistik Soal Selidik yang Dikembalikan oleh Responden	49
3.3	Saiz Sampel Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Di Daerah Matang, Taiping, Perak	49
3.4	Tiga Bahagian dan Item Pembolehubah dalam Soal Selidik	51
3.5	Kebolehpercayaan Keputusan Analisis Berdasarkan Skala Alpha	52
4.1	Taburan Kekerapan dan Peratusan Mengikut Sekolah	57
4.2	Taburan Kekerapan dan Peratusan Mengikut Jantina	58
4.3	Taburan Kekerapan dan Peratusan Mengikut Pencapaian Akademik	58
4.4	Taburan Kekerapan dan Peratusan Mengikut Aliran Akademik	59
4.5	Taburan Kekerapan dan Peratusan Berdasarkan 8 Item Tentang Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Tumpuan	60
4.6	Taburan Kekerapan dan Peratusan Berdasarkan 7 Item Tentang Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Ketekalan	63
4.7	Taburan Kekerapan dan Peratusan Berdasarkan 7 Item Tentang Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Tahap Penglibatan	66
4.8	Taburan Kekerapan dan Peratusan Berdasarkan 8 Item Tentang Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Pencapaian	68
4.9	Taburan Kekerapan dan Peratusan Berdasarkan 7 Item Tentang Pendekatan Motivasi Dalam Bilik Darjah Iaitu Pendekatan Motivasi Ekstrinsik	71


4.10	Taburan Kekekapan dan Peratusan Berdasarkan 7 Item Tentang Pendekatan Motivasi Dalam Bilik Darjah Iaitu Pendekatan Motivasi Intrinsik	74
4.11	Ujian t Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Tumpuan Berdasarkan Jantina	76
4.12	Ujian t Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Ketekalan Berdasarkan Jantina	78
4.13	Ujian t Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Tahap Penglibatan Berdasarkan Jantina	79
4.14	Ujian t Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Pencapaian Berdasarkan Jantina	80
4.15	Ujian t Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Berdasarkan Jantina	81
4.16	Ujian Anova Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Tumpuan Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	83
4.17	Ujian Anova Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Ketekalan Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	85
4.18	Ujian Anova Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Tahap Penglibatan Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	86
4.19	Ujian Anova Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Pencapaian Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	88
4.20	Ujian Anova Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik	90
4.21	Ujian Anova Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Tumpuan Berdasarkan Aliran Akademik	91
4.22	Ujian Anova Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Ketekalan Berdasarkan Aliran Akademik	93
4.23	Ujian Anova Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Tahap Penglibatan Berdasarkan Aliran Akademik	95

4.24	Ujian Anova Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Iaitu Daripada Aspek Pencapaian Berdasarkan Aliran Akademik	96
4.25	Ujian Anova Berkenaan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Berdasarkan Aliran Akademik	98
4.26	Matrik Korelasi Antara Pendekatan Motivasi Ekstrinsik Dengan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran	100
4.27	Analisa Regresi Pelbagai Antara Motivasi Ekstrinsik Dengan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran	101
4.28	Matrik Korelasi Antara Pendekatan Motivasi Intrinsik Dengan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran	102
4.29	Analisa Regresi Pelbagai Antara Motivasi Intrinsik Dengan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran	103



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Perhubungan Antara Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Dengan Ciri-ciri Soaial-Demografik Tertentu dan Amalan Pendekatan Motivasi	6
3.1	Pembahagian Populasi Mengikut Strata	47



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Terdapat kerunsingan yang meningkat terhadap tahap minat pelajar dalam pembelajaran yang semakin menurun dan pelajar yang kurang bermotivasi di sekolah. Kebanyakan pihak berpendapat kedua-dua elemen ini merupakan punca utama masalah disiplin di sekolah. Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (2005), tempoh masa dari tahun 2000 hingga tahun 2004, pelajar sekolah menengah yang terlibat dengan tingkah laku yang tidak berdisiplin adalah tidak kurang daripada 14 peratus. Antaranya termasuk ponteng, keciciran, datang lewat, mengganggu rutin kelas, memeras ugut, merokok dan mencuri.

Strategi yang biasa digunakan untuk menangani masalah ini ialah dengan menggunakan pendekatan peneguhan negatif seperti memberi amaran, merotan, penggantungan dan untuk kes yang serius, pembuangan dari sekolah dikenakan. Sekiranya kaedah ini menjadi satu aliran terkini, ia hanya dapat memberi kesan sementara sahaja. Akar umbi masalah disiplin masih tidak dapat diselesaikan secara sepenuhnya.

Berbalik kepada proses pembelajaran di sekolah, input pembelajaran yang biasa diterima oleh pelajar hanya mementingkan proses kognitif dan jarang memberi pertimbangan kepada aspek afektif, motivasi dan keperluan individu pelajar (Ormron, 1995; Stipek, 1996). Saiz kelas yang besar dan bebanan kerja yang tinggi mengakibatkan guru menghadapi kekangan untuk memberi perhatian peribadi ke arah memenuhi keperluan pembelajaran secara individu (Learning First Alliance, 2001).

Dalam kajian terhadap keciciran sekolah, mereka mendapati pandangan kecekapan dan keazaman diri sesuai sebagai penentu motivasi. Pelajar yang kurang keupayaan akademik dan berasa diri mereka dikawal dalam konteks sekolah adalah golongan yang kurang bermotivasi. Roger (1996) mendapati pengalaman kegagalan pelajar dalam pencapaian akademik menyebabkan mereka membuat jangkakan yang tinggi terhadap pencapaian mereka pada masa akan datang juga akan menemui kegagalan dan golongan ini menentang kuat terhadap perubahan pendekatan motivasi ke atas mereka. Trait kurang keupayaan pelajar dalam akademik merupakan faktor biasa yang dialami oleh kebanyakan pelajar yang tidak berkeyakinan dan menentang keras usaha guru yang cuba memotivasi dan menyempurnakan hasil pembelajaran mereka (Pajeres & Urdan, 2002; Brophy, 2004).

Di sekolah, motivasi dan minat terhadap pembelajaran merupakan dua komponen yang berkait rapat dengan proses pengajaran dan pembelajaran di mana mereka membantu pelajar memperolehi dan mencapai matlamat pembelajaran (Mayer, 2003). Tambahan pula, kedua-dua komponen ini juga memberi rangsangan kepada pelajar ke arah pertemuan kerjaya masa depan. Walaupun kedua-dua komponen mempunyai kaitan yang rapat dengan proses pembelajaran, amalan pengajaran dan peningkatan pencapaian sepanjang hayat, namun demikian, mereka tidak mendapat pengiktirafan yang sepatutnya.

Matlamat guru adalah untuk membawa perubahan minda ke arah mendidik pelajar supaya menjadi insan yang baik, harmonis dan seimbang. Untuk mencapai matlamat ini, pelajar harus bermotivasi dan mempunyai minat terhadap pembelajaran, tepuk sebelah tangan tidak berguna. Menurut Vallerand dan Guay (1995), pendekatan motivasi mempunyai pengaruh yang positif kepada minat dan pencapaian akademik pelajar. Guru yang prihatin akan menggunakan pendekatan motivasi untuk membangkitkan naluri ingin tahu pelajar di samping menambah ilmu pengetahuan mereka (Stipek, 1996; Yair, 2000). Pengaruh motivasi dalam proses pembelajaran menjadi lebih berkesan apabila pelajar beranggapan bahawa aktiviti pembelajaran itu bermakna dan menyeronokkan (Brophy, 2004; McLean, 2003; McCombs, 1996; Pajeres & Urdan, 2002). Oleh yang demikian, aktiviti pembelajaran haruslah berkaitan dengan minat pelajar kerana ia dapat menggalakkan dan mempertingkatkan kemahiran pembelajaran (McCombs, 1996; Bransford, Brown, & Cocking, 1999; Pajeres & Urdan, 2002; Brophy, 2004).

1.2 Pernyataan Masalah

Kekecewaan yang dialami oleh para guru semasa berhadapan dengan pelajar yang kurang bermotivasi bukanlah satu perkara yang baru. Kegagalan untuk memberi perhatian kepada keperluan motivasi di kalangan pelajar mengakibatkan mereka terus hilang minat dalam pembelajaran mereka sehingga tercetusnya masalah disiplin (Graham & Weiner, 1996).

Kebanyakan pelajar yang hilang minat, rasa ingin tahu dan motivasi untuk belajar adalah disebabkan oleh kebosanan persekitaran di sekolah (Lumsden, 1994;

McCombs, 1996; Learning First Alliance, 2001; Brophy, 2004). Walaupun pembelajaran merupakan satu proses semulajadi tetapi apa yang sebenarnya berlaku di sekolah ialah ia tidak membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar dipaksa memberi perhatian terhadap proses pengajaran guru; mereka mempunyai pilihan yang terhad terhadap kandungan kurikulum di mana nilainya tidak nyata; rakan sebaya yang berbeza dari segi kebolehan dan pengalaman, dan memerlukan mereka mengikuti arus perkembangan pengajaran yang tiada hubungkait dengan minat dan pengetahuan sedia ada mereka (Hess & Azuma, 1991; Ark & Wagner, 2000; Goodwin, 2000). Dukacitanya, golongan ini berakhir dengan perasaan benci dan menentang segala aktiviti yang dirancangan oleh pihak sekolah. Akhirnya, pelajar-pelajar ini yang mengalami kerugian, mempunyai pencapaian akademik yang rendah, rekod disiplin yang buruk, bersifat pasif dan menjadi beban sekolah mahupun masyarakat dewasa kelak. Adakah para guru dan pentadbir sekolah mengetahui bahawa masalah disiplin berkait rapat dengan motivasi dan minat pelajar dalam pembelajaran?

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap minat pelajar dalam pembelajaran yang berdasarkan empat aspek asas yang digariskan oleh Stipek (1993) iaitu tumpuan dalam proses pembelajaran, ketekalan dalam tugas pembelajaran, tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran dan pencapaian akademik; dan sama ada ia terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan pembolehubah-pembolehubah sosial-demografik iaitu jantina, tahap pencapaian akademik dan aliran akademik. Selain daripada itu, kajian ini juga ingin menentukan sejauh manakah guru mengamalkan


pendekatan motivasi tertentu sebagaimana yang dipersepsikan oleh pelajar. Objektif utama kajian ini memberi fokus kepada perhubungan antara pendekatan motivasi dan minat pelajar dalam pembelajaran supaya faktor pendekatan motivasi yang mempengaruhi minat pelajar dalam pembelajaran diberi tumpuan dan penekanan. Antara objektif kajian yang ingin dicapai adalah seperti yang berikut:

- 1.3.1 Mengenalpasti tahap minat pelajar dalam pembelajaran berdasarkan jantina.
- 1.3.2 Mengenalpasti tahap minat pelajar dalam pembelajaran berdasarkan tahap pencapaian akademik pelajar.
- 1.3.3 Mengenalpasti tahap minat pelajar dalam pembelajaran berdasarkan aliran akademik pelajar.
- 1.3.4 Menentukan perhubungan antara minat pelajar dalam pembelajaran dengan motivasi ekstrinsik.
- 1.3.5 Menentukan perhubungan antara minat pelajar dalam pembelajaran dengan motivasi intrinsik.

1.4 Rangka Konseptual

Rangka konseptual kajian ini direka dengan tujuan untuk mengenalpasti tahap minat pelajar dalam pembelajaran yang berdasarkan empat aspek asas yang digariskan oleh Stipek (1993) iaitu tumpuan, ketekalan, tahap penglibatan dan pencapaian akademik dan sama ada ia terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan pembolehubah-pembolehubah sosial-demografik iaitu jantina, tahap pencapaian akademik dan aliran akademik. Selain daripada itu, kajian ini juga ingin menentukan perhubungan antara minat pelajar dalam pembelajaran dengan amalan pendekatan motivasi dalam bilik darjah.

Berdasarkan Rajah 1.1, pembolehubah bersandar merujuk kepada minat pelajar dalam pembelajaran, manakala pendekatan motivasi dan ciri-ciri sosial-demographik tertentu mewakili pembolehubah tak bersandar.



Rajah 1.1
Perhubungan Antara Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Dengan Ciri-ciri Sosial-Demografik Tertentu dan Amalan Pendekatan Motivasi

1.5 Hipotesis

Hipotesis penyelidikan adalah dinyatakan dalam bentuk nol, iaitu

Hipotesis Utama Yang Pertama

1.5.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar dalam pembelajaran dengan jantina.

Sub-hipotesis

1.5.1.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar dalam pembelajaran iaitu daripada aspek tumpuan dengan jantina.

1.5.1.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar dalam pembelajaran iaitu daripada aspek ketekalan dengan jantina.

1.5.1.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar dalam pembelajaran iaitu daripada aspek tahap penglibatan dengan jantina.

1.5.1.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar dalam pembelajaran iaitu daripada aspek pencapaian akademik dengan jantina.

Hipotesis Utama Yang Kedua

1.5.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar dalam pembelajaran dengan tahap pencapaian akademik pelajar.

Sub-hipotesis

1.5.2.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar dalam pembelajaran iaitu daripada aspek tumpuan dengan tahap pencapaian akademik pelajar.

1.5.2.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar dalam pembelajaran iaitu daripada aspek ketekalan dengan tahap pencapaian akademik pelajar.

1.5.2.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar dalam pembelajaran iaitu daripada aspek tahap penglibatan dengan tahap pencapaian akademik pelajar.

1.5.2.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar dalam pembelajaran iaitu daripada aspek pencapaian akademik dengan tahap pencapaian akademik pelajar.

Hipotesis Utama Yang Ketiga

1.5.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar dalam pembelajaran dengan aliran akademik pelajar.

Sub-hipotesis

1.5.3.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar dalam pembelajaran iaitu daripada aspek tumpuan dengan aliran akademik pelajar.

1.5.3.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar dalam pembelajaran iaitu daripada aspek ketekalan dengan aliran akademik pelajar.

1.5.3.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar dalam pembelajaran iaitu daripada aspek tahap penglibatan dengan aliran akademik pelajar.

1.5.3.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar dalam pembelajaran iaitu daripada aspek pencapaian akademik dengan aliran akademik pelajar.

Hipotesis Utama Yang Keempat

1.5.4 Tidak terdapat perhubungan antara minat dalam pembelajaran dengan pendekatan motivasi ekstrinsik.

Hipotesis Utama Yang Kelima

1.5.5 Tidak terdapat perhubungan antara minat dalam pembelajaran dengan pendekatan motivasi intrinsik.

1.6 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan untuk memberi maklumat kepada perancang kurikulum, guru-guru, para pendidik, para pentadbir sekolah, Jemaah Nazir sekolah dan para guru pelatih tentang tahap pengamalan pendekatan motivasi di dalam bilik darjah. Kajian ini juga mengenalpasti aras minat pelajar dalam pembelajaran.

Selain itu, kajian ini ingin melihat sejauh manakah minat pelajar dalam pembelajaran dipengaruhi oleh amalan pendekatan motivasi di dalam bilik darjah. Melalui kajian ini, diharap dapat mengenalpasti pendekatan motivasi yang mana satukah mempunyai kesan positif terhadap minat pelajar dalam pembelajaran. Berdasarkan maklumat ini, guru-guru dapat mengetahui setakat manakah mereka mampu mempengaruhi tahap minat pelajar dalam pembelajaran dengan mengamalkan pelbagai aspek pendekatan motivasi.

Keputusan kajian ini juga ingin menginsafkan para pendidik tentang peri pentingnya pendekatan motivasi dalam konteks pembelajaran. Ia dapat membantu para pentadbir mahupun Jemaah Nazir sekolah memberi panduan kepada guru cara untuk menangani masalah pelajar yang tidak bermotivasi serta menasihati para guru agar mengamalkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar.

Maklumat daripada kajian ini juga dapat menyedarkan para guru pelatih agar memberi lebih penekanan pada pendekatan motivasi dan elemen-elemen yang berkesan dalam proses pengajaran mereka. Akhir kata kajian ini juga tidak kurang